



KERJA-KERJA PENGOREKAN (MAINTENANCE DREDGING) DI DALAM KAWASAN PELABUHAN KLANG

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 20 April 2005.

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pengorekan laut (maintenance dredging) akan dijalankan di dalam kawasan Pelabuhan Klang selama tempoh kira-kira 90 hari mulai dari 20 April 2005. Kerja-kerja pengorekan itu meliputi kawasan perairan di "Westport Wharves Number B01-B12, LB01-LB04, DBT2 & CJW, Northern & Southern Approach Navigational Channels, Labuhan Gurap Channel, North Shore Anchor Reaches and Anchorages A, B & Elbow Shoal".

2. Vesel yang akan digunakan dalam kerja-kerja pengorekan itu adalah sebuah kapal korek dari jenis "Trailing Suction Hopper Dredger" bernama MV. INAI SELASIH. Kapal itu akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Manakala sisa-sisa bahan korekannya pula akan dilupuskan di dua Kawasan Pembuangan Am (Spoil Ground) Pelabuhan Klang yang terletak pada Latitud 03° 08.85' Utara & Longitud 101° 14.20' Timur serta pada Latitud 02° 53.52' Utara & Longitud 101° 09.00' Timur.

3. Selaras dengan itu, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan projek dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada kapal korek terlibat.

4. Dengan pengeluaran Pekeliling Pelabuhan No: 04/2005 ini, maka Pekeliling Pelabuhan yang terdahulu, No: 03/2005 bertarikh 19 April 2005 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k:
- (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran,
Ketua Penolong Pengarah Unit IT & Homepage)
 - (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
 - (iii) Pengurus Besar (Kawalselia),
Lembaga Pelabuhan Kelang.